

2 MAR 1996

Mahathir-dua hala

BEKALAN AIR TAMBAHAN KE SINGAPURA HANYA JIKA IA TIDAK JEJASKAN KEPERLUAN MALAYSIA

Oleh: K.C. Leong dan Ahmad Zukiman Zain

BANGKOK, 2 Mac (Bernama) -- Malaysia bersetuju untuk membekalkan bekalan air tambahan kepada Singapura jika ia yakin bahawa keperluannya sendiri tidak akan terjejas oleh tindakan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa permintaan untuk mendapatkan bekalan air tambahan itu telah dibuat oleh Singapura dan perkara berkenaan ditimbulkan semasa pertemuan beliau dengan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong di sini.

Pertemuan itu, yang diadakan selepas tamatnya Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) pertama, ialah satu daripada beberapa perbincangan dua hala yang membabitkan Dr Mahathir sebagai acara sampingan kepada persidangan antara para pemimpin kedua-dua rantau berkenaan.

Sebelum ini Dr Mahathir menemui Perdana Menteri Thailand dan tuan rumah persidangan Banharn Silpa-archa, Chancelor Austria Dr Franz Vranitzky dan Perdana Menteri Belgium Jean-Luc Dehaene serta Perdana Menteri Ireland John Bruton.

Dr Mahathir, yang menyifatkan perbincangannya dengan Goh sebagai sangat mesra berkata sebahagian besar perbincangan mereka itu tertumpu kepada isu bekalan air di samping mengenai hasrat ASEM untuk membangunkan hubungan laluan kereta api antara Asia-Eropah.

Pertemuan dengan Goh itu diadakan di tempat penginapan Dr Mahathir di Hotel Shangri-La di sini. Persidangan berita yang diadakan selepas itu dihadiri oleh para wartawan Malaysia dan Singapura. Kehadiran wartawan dari Singapura adalah atas permintaan Goh.

Dr Mahathir berkata bahawa Goh telah meminta supaya dua isu berkenaan -- bekalan air tambahan dan kerjasama Malaysia-Singapura dalam cadangan laluan kereta api ASEM itu -- tidak dihubungkan.

"Sungguhpun beliau (Goh) tidak fikir bahawa kita patut menghubungkan kaitkan pembangunan hubungan kereta api berkenaan dengan bekalan air tambahan ke Singapura, beliau bagaimanapun menekankan bahawa Singapura memerlukan bekalan air dari Malaysia, hanya jika ia tidak menjejaskan keperluan Malaysia sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau bersetuju bahawa kedua-dua isu itu tidak dihubungkan dan beliau turut memberikan jaminan bahawa Malaysia akan memenuhi keperluan Singapura apabila ia yakin bahawa keperluannya sendiri tidak akan terjejas.

Pada masa yang sama Singapura berkata ia tidak menentang pendapat Malaysia bahawa republik itu patut dibekalkan dengan air bersih dan bukannya dengan air yang belum dirawat, katanya.

Tindakan sedemikian akan memberikan nilai tambahan kepada eksport air.

Singapura akhir-akhir ini bimbang mengenai keperluan airnya yang kian meningkat dan pergantungannya kepada bekalan air dari Malaysia berdasarkan satu perjanjian yang hanya tinggal beberapa tahun lagi untuk tamat.

Ia baru-baru ini mengkaji kemungkinan untuk mempelbagaikan sumber bekalan airnya selain daripada sumber tradisinya di Johor.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan Malaysia untuk memenuhi permintaan Singapura itu, Dr Mahathir berkata bahawa pada ketika ini, "petandanya adalah baik". Bagaimanapun, ini bergantung kepada satu kajian yang akan dilakukan bagi memastikan bahawa bekalan tambahan itu tidak akan menjejaskan keperluan Malaysia.

Mengenai cadangan ASEM bagi hubungan kereta api, beliau berkata laluan kereta api Singapura-Kulai akan membentuk peringkat pertama projek

berkenaan. Diharapkan laluan ujian ini dapat disiapkan menjelang 1998.

Cadangan ASEM bagi hubungan kereta api itu yang diluluskan oleh persidangan kemuncak yang berakhir di sini hari ini memanjangkan lagi projek hubungan kereta api Singapura-Kunming yang diluluskan oleh Asean baru-baru ini dengan menyambungkannya dengan Beijing dan seterusnya ke Eropah di sebelah barat.

Ketika ditanya mengenai reaksi negara-negara ASEM lain mengenai projek berkenaan, Dr Mahathir berkata mereka sangat berminat mengenainya dan berpendapat bahawa ia satu cadangan yang baik.

Beliau berkata Malaysia telah diberikan tugas untuk menjalankan satu kajian mengenai bagaimana untuk melaksanakan projek itu dengan baik.

Negara-negara Eropah seperti Perancis dan Jerman telah menunjukkan minat mereka mengenai projek itu yang melibatkan sektor swasta. -- BERNAMA

LKC AZZ MZ MAI